

From: Pusat Sukan
Sent: Tuesday, November 13, 2018 11:37 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Dr. Mohamad Zaki bin Ahmad
Subject: Ketua Jurulatih Ragbi 7'S Malaysia Kongsi Pengalaman Di UUM



13 NOVEMBER 2018 / 05 RABIULAWAL 1440H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

KETUA JURULATIH RAGBI 7'S MALAYSIA KONGSI PENGALAMAN DI UUM



PSUKAN ONLINE : SINTOK – Tanggal 9 November 2018 merupakan satu tarikh yang pastinya tidak dapat dilupakan oleh 30 orang pemain ragbi Sekolah Menengah Kebangsaan Jitra dan para pemain ragbi UUM kerana Saudara Mohd Saizul Hafifi Mohd Nor, Ketua Jurulatih Pasukan Ragbi 7"S Malaysia sudi berkongsi pengalamannya dalam Klinik Ragbi 7'S anjuran Pusat Sukan UUM.

Selain itu, saudara Saizul juga adalah merupakan alumni UUM dan ini adalah kali pertama beliau kembali ke bumi Sintok selepas bergelar graduan UUM pada tahun 2005. Berdasarkan kepada temubual bersama beliau usai klinik ragbi ini diadakan, beliau sangat berbesar hati dapat berkongsi pengalaman yang beliau ada dengan komuniti ragbi di negeri Kedah dan yang paling mengujakannya adalah dapat kembali ke padang ragbi UUM yang menyimpan pelbagai nostalgia pahit dan manis untuk dirinya sebagai seorang pemain ragbi.

Dalam tempoh tiga jam klinik tersebut diadakan, pelbagai aktiviti latihan dan 'drills' ragbi 7'S yang beliau kongsi bersama para peserta klinik yang hadir. Kesemua peserta juga dilihat begitu teruja mendapatkan ilmu daripada seorang jurulatih ragbi yang berpengalaman serta berjaya menyumbang pingat emas kepada Malaysia semasa Sukan SEA 2017 yang diadakan di Kuala Lumpur.

Diharapkan agar perkongsian pengalaman ini bukanlah yang pertama dan terakhir daripada beliau tetapi merupakan satu permulaan untuk pihak UUM melalui program-program 'Community Service Responsibility – CRS' seperti ini untuk membantu komuniti sekitar UUM membangunkan sukan ragbi di negeri Kedah pada masa akan datang.

=====

DARIPADA :
PUSAT SUKAN
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL : 04-9283560/3561
FAX : 04-9283552
EMAIL : pusur@uum.edu.my



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.